

**PKR: 'Video seks' baru usaha tutup kelemahan Umno-BN**  
**The Malaysian Insider**  
**11 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 11 Okt — Parti Keadilan Rakyat (PKR) mendakwa tindakan menyebarkan video seks baru kononnya melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan Umno-BN terus-menerus menggunakan cara kotor — kali ini bagi mengabui rakyat daripada isu salah urus ekonomi dan salah guna kuasa.

"Langkah meneruskan tradisi jijik ini, Umno-BN sekarang cuba untuk menutup salah urus ekonomi, salah guna kuasa dan amalan-amalan rasuah dengan menggunakan seks video rekaan," kata Naib Presiden PKR N Surendran dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan itu merujuk kepada tindakan beberapa blog pro-Umno membawa 'video hotel' terbaru mendakwa seorang lelaki, dikatakan sebagai Anwar, mahu mendapatkan khidmat seks pelacur di sebuah hotel..

Sehubungan itu beliau yang juga seorang peguam berkata, ia merupakan pendekatan kotor dan fitnah pihak Umno-BN.

"Politik buruk macam ini diadakan oleh Umno-BN ketika pentadbiran Mahathir apabila sumber negara digunakan secara besar-besaran untuk mengada-adakan tuduhan berkaitan dengan seks dan dakwaan dibuat terhadap Anwar, yang ketika itu merupakan timbalan perdana menteri.

"Mereka yang tidak berdosa seperti Dr Munawar Anees ditahan dan diseksa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan dengan sengaja dikaitkan dengan Anwar Ibrahim," katanya lagi.

Dengan merujuk kepada siri video seks sebelum ini, Surendran berkata perkembangan terbaru secara kebetulan dikeluarkan ketika Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan kerajaannya bekerja keras mahu mempertahankan Bajet 2012.

Oleh itu kata beliau, pihaknya mahu Najib dan kerajaannya termasuk pemimpin-pemimpin kanan Umno-BN berhenti daripada menggunakan taktik politik buruk.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-video-seks-baru-usaha-tutup-kelemahan-umno-bn/>